

PNB lantik empat ahli Lembaga Pengarah baharu

➔ Tokoh dilantik berpengalaman luas, mula tugas berkuat kuasa 1 Januari

Oleh Nabil Basaruddin
nabil.basaruddin@nstp.com.my

Permodalan Nasional Bhd (PNB) mengumumkan pelantikan empat ahli Lembaga Pengarah baharu berkuat kuasa 1 Januari 2019, bagi menggantikan ahli Lembaga Pengarah yang akan bersara pada 31 Disember ini.

Pelantikan ahli Lembaga Pengarah itu terdiri daripada Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir, Tan Sri Zainun Ali, Datuk Dr Nik Ramlah Nik Mahmood dan Datuk Johan Ariffin.

Ia bagi menggantikan tempat Tan Sri Dr Ali Hamsa, Tan Sri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah dan Tan Sri Zarinah Anwar.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan

Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, berkata PNB mengalu-alukan penyertaan empat ahli Lembaga Pengarah baharu yang akan berkuat kuasa pada 1 Januari depan.

"Saya mengalu-alukan pelantikan ahli baharu menyertai Lembaga Pengarah PNB dengan pengalaman luas yang mereka miliki serta saling melengkapi dalam bidang masing-masing iaitu pelaburan, undang-undang, ekonomi dan hartanah.

Peroleh manfaat

"Diharapkan PNB akan memperoleh manfaat daripada sumbangan mereka seiring dengan fokus berterusan dalam menguatkan daya tahan dan melaksanakan mandat bagi memperkasa kekayaan ekonomi Bumiputera dan rakyat Malaysia," katanya dalam kenyataan, semalam.

Ahmad Badri adalah Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan berkhidmat dengan Kementerian Kewangan selama lebih 25 tahun manakala Zainun pula adalah bekas Hakim Mahkamah Persekutuan Malaysia.

Sementara itu, Nik Ramlah adalah bekas Timbalan Ketua Eksekutif,



Saya mengalu-alukan pelantikan ahli baharu menyertai Lembaga Pengarah PNB dengan pengalaman luas yang mereka miliki serta saling melengkapi dalam bidang masing-masing"

Dr Zeti Akhtar Aziz,
Pengerusi Kumpulan PNB



Ahmad Badri Mohd Zahir



Zainun Ali



Johan Ariffin



Dr Nik Ramlah Nik Mahmood

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan kini berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah Amanah Saham Nasional Bhd (ASNB).

Johan pula adalah Pengerusi Mitraland Group of Companies dan Pelaburan Hartanah Nasional Bhd, serta menjadi ahli Lembaga Pengarah bagi beberapa syarikat senaraian awam termasuklah Sime Darby Property Bhd dan berpengalaman luas dalam bidang pembangunan hartanah, perbankan serta insurans.

Dalam pada itu, PNB turut mengumumkan Profesor Tan Sri Dr

Noor Azlan Ghazali akan bersara sebagai ahli Lembaga Pengarah ASNB dan PNB Research Institute Sdn Bhd berkuat kuasa pada 31 Disember ini.

Zeti berkata, pihaknya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli Lembaga Pengarah PNB dan ASNB yang akan bersara atas komitmen dan sumbangan mereka selama ini.

"PNB memperoleh manfaat daripada ilmu serta bimbingan mereka sepanjang tempoh mereka menjadi ahli Lembaga Pengarah PNB dan ASNB," katanya.